



KENYATAAN MEDIA
PUSAT GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTI-RASUAH NASIONAL
(GIACC)
JABATAN PERDANA MENTERI

**MESYUARAT JAWATANKUASA KHAS KABINET MENGENAI ANTI
RASUAH (JKKMAR) SIRI 15 – 19 MEI 2022**

1. Dalam mesyuarat JKKMAR Siri 15 pada 19 Mei 2022, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob telah menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa memberi komitment untuk menambah baik tadbir urus dan memantapkan nilai integriti dalam usaha memecah rantaian rasuah di negara ini. Komitmen kerajaan ini dizahirkan melalui Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 yang diperkenalkan pada tahun 2019.

2. Mesyuarat JKKMAR mengambil maklum akan gerak kerja dan kemajuan berkaitan pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 dalam memastikan penambahbaikan aspek governans, integriti dan antirasuah dapat dilaksanakan secara berterusan bagi mencapai hasrat negara yang bebas rasuah dan berintegriti.

3. Berikut adalah status kemajuan terkini pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) sehingga 31 Disember 2021 seperti yang telah dimaklumkan dalam mesyuarat:
 - 3.1. 37 inisiatif NACP telah selesai disiapkan pada tahun 2021. Sementara itu, 74 inisiatif masih dalam tindakan Ketua Agensi Peneraju untuk disiapkan pada tahun 2022 dan 2023.
 - 3.2. Pecahan 74 inisiatif yang masih dalam tindakan adalah seperti berikut:
 - a. 30 inisiatif - ditetapkan untuk selesai disiapkan sehingga Disember 2022.
 - b. 44 inisiatif - ditetapkan untuk selesai disiapkan sehingga Disember 2023.
 - 3.3. Namun, dijangkakan akan terdapat beberapa inisiatif berkemungkinan besar melewati tempoh disiapkan tahun 2023 kerana menghadapi kesukaran yang melibatkan pindaan Perlembagaan Persekutuan, pindaan perundangan semasa serta pewujudan perundangan baharu.
- 3.4. GIACC akan terus memantau pelaksanaan inisiatif NACP yang dilaksanakan oleh 27 Ketua Agensi Peneraju dan akan melapor kemajuannya di Mesuarat JKKMAR.
- 3.5. Publisiti dan promosi bagi inisiatif NACP di bawah seliaan Ketua Agensi Peneraju perlu lebih giat dilaksanakan bagi

memastikan maklumat yang tepat dapat disalurkan kepada rakyat.

- 3.6. Dalam satu perkembangan yang sama, GIACC telah mula mengumpul data dan input berkaitan bagi pembangunan NACP pasca 2023 agar pembaharuan dalam aspek governans, integriti dan antirasuah dilaksanakan secara berterusan dan sesuai dengan perubahan semasa. Ini adalah untuk memastikan negara berdaya saing dan maju serta bebas rasuah.

Pusat Governans Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC)

Jabatan Perdana Menteri

27 Mei 2022